A

PP

lwn.

LEE CHEE KEIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDULL HAMID EMBONG H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-13-2005]
27 SEPTEMBER 2007

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Kesetimpalan - Menahan orang secara salah untuk dijadikan pelacur - Hukuman 12 tahun penjara dan tiga sebatan - Sama ada terlalu berat - Sama ada tidak bersandarkan prinsip - Kanun Keseksaan s. 372(1)(d)*

Ini adalah rayuan responden terhadap keputusan yang arif hakim
D Mahkamah Sesyen ('HMS') kerana menjatuhkan hukuman 12 tahun penjara dan tiga sebatan masing-masing terhadap responden atas tiga pertuduhan di bawah s. 372(1)(d) Kanun Keseksaan, setelah mensabitkan responden dengan pertuduhan-pertuduhan tersebut. Fakta menunjukkan bahawa yang arif HMS, dalam menjatuhkan hukuman, telah
E mengambilkira antara lain bahawa jenayah yang dilakukan, iaitu menahan orang (perempuan) secara salah untuk dijadikan pelacur, adalah berleluasa. Di hadapan yang arif hakim Mahkamah Tinggi, persoalan penting yang berbangkit adalah sama ada hukuman yang berat ini, dalam halkeadaan yang wujud, boleh dipertahankan.

F **Diputuskan (mengekalkan sabitan tetapi meringankan hukuman):**

(1) Berdasarkan rekod rayuan, tiada keterangan atau data yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang boleh mengukuhkan pendapat HMS bahawa kes seperti ini adalah berleluasa. Oleh itu,
G andaian yang dibuat oleh HMS itu yang dijadikan alasan bagi menjatuhkan hukuman seberat ini adalah tidak kukuh dan tidak bersandarkan prinsip. (perenggan 8)

(2) Hukuman di bawah s. 372 Kanun Keseksaan ialah penjara maksimum 15 tahun dan sebatan. Mengambilkira faktor ini,
H hukuman penjara 12 tahun dan 3 sebatan adalah terlalu berat, tanpa ada sebab yang boleh mengizinkannya. Pihak pendakwaan tidak meminta supaya satu hukuman yang berat dan boleh dijadikan pengajaran kepada responden. Tambahan, responden baru berumur 30 tahun dan ini adalah kesalahannya yang pertama (*PP v. Alfred*
I *Vincent*; *Ian Sing Seng v. PP (dirujuk)*).(perenggan 9)

(3) Atas sebab-sebab yang dikemukakan, rayuan terhadap hukuman adalah dibenarkan. Hukuman diganti dengan hukuman 3 tahun penjara dan satu sebatan bagi setiap pertuduhan dengan hukuman berjalan serentak. (perenggan 3 & 10)

[perintah sekadarnya]

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Alfred Vincent [2004] 6 CLJ 515 HC ***(dirujuk)***
Ian Sing Seng v. PP [2006] 1 MLJ 187 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, s. 372

Bagi pihak perayu - Mohd Abazafee, TPR
Bagi pihak responden - SS Gill; T/n Gill Harvinder

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Abdull Hamid Embong H:

[1] Ini adalah rayuan daripada pihak pendakwa raya terhadap hukuman yang telah saya jatuhkan ke atas responden di peringkat rayuan. Responden telah disabit di atas tiga pertuduhan iaitu:

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu bersama-sama seperti, mana peruntukan Sek. 34 Kanun Keseksaan di antara 4hb. Mac, 2003 hingga 14hb. Mei 2003, bertempat di alamat A-18-3, Villa Cindaimas Condominium, Jalan Selesa 9, Taman United Garden, di dalam daerah Brickfield, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menahan secara salah: ANA MARSIAD (P) INDONESIA, PASSPORT: Tiada, dengan niat untuk digunakan sebagai pelacur, dengan itu, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Sek. 372(1)(d) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu, bersama-sama seperti mana peruntukan Sek. 34 Kanun Keseksaan, di antara pertengahan bulan Mac 2003 hingga 14hb. Mei 2003, bertempat di alamat: A-18-3, Villa Cindaimas Condominium, Jalan Selesa 9, Taman United Garden, di dalam daerah Brickfields, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menahan secara salah: RATNA SARI NANCY (P), INDONESIA, PASPORT: Tiada, dengan niat untuk digunakan sebagai pelacur, dengan itu, kamu telah melalukan satu kesalahan di bawah Sek. 372 (1)(d) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Akta yang sama.

A Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu, bersama-sama seperti mana peruntukan Sek. 34 Kanun Keseksaan, di antara 27hb. April, 2003 hingga 14hb. Mei 2003, bertempat di alamat: A-18-3, Villa Cindaimas Condominium, Jalan Selesa 9, Taman United Garden, di dalam daerah Brickfields, di dalam
B Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menahan secara salah SURYATI (P), INDONESIA, PASPORT: Tiada, dengan niat untuk digunakan sebagai pelacur, dengan itu, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Sek. 372(1)(d) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Akta yang sama.

C **[2]** Hakim Mahkamah Sesyen telah mengenakan hukuman penjara 12 tahun dan tiga kali sebatan terhadap setiap kesalahan di atas dengan arahan hukuman penjara dijalankan serentak.

[3] Di peringkat rayuan di hadapan saya, sabitan ke atas responden
D bagi ketiga-tiga kesalahan tersebut telah dikekalkan. Bagaimanapun saya telah membenarkan rayuan terhadap hukuman dan menggantikan hukuman asal hakim Mahkamah Sesyen kepada hukuman penjara tiga tahun dan satu kali sebatan rotan bagi setiap kesalahan. Hukuman penjara diperintah agar berjalan serentak.

E **Fakta Kes**

[4] Responden telah dibuktikan menjadi jaga terhadap rumah yang beralamat seperti dalam pertuduhan. Rumah itu telah digunakan untuk menempatkan pelacur-pelacur, antaranya SP1, SP3 dan SP4. Ketiga-tiga
F saksi pendakwaan ini telah memberi keterangan bahawa mereka telah dikurung di rumah tersebut dan responden telah ditugaskan membawa mereka untuk berjumpa dengan pelanggan-pelanggan bagi tujuan pelacuran. Responden juga telah memberi mereka makanan, dua kali sehari.

G **[5]** SP1 dalam keterangannya menyatakan bahawa dia telah dinasihati oleh kawan-kawanya agar jangan cuba melarikan diri sebab jika ditangkap, dia akan dipukul. SP1 dan SP4 juga menyatakan bahawa Responden memegang kunci rumah tersebut dan mengawal gerak geri pelacur-pelacur yang tinggal di situ.

H **[6]** Hakim bicara (HMS) telah menolak pembelaan responden yang pada amya telah manafikan dakwaan bahawa dia terlibat dalam kegiatan mengawal dan mengurung mangsa dalam rumah tersebut bagi tujuan pelacuran. HMS berpendapat bahawa pembelaan responden hanya satu penafian kosong.

I

[7] Dalam menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan tiga kali sebatan, HMS telah menyatakan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh responden kian menjadi dan berleluasa di ibu kota, oleh itu, satu hukuman berbentuk pengajaran perlu dikenakan terhadapnya.

[8] Saya telah melihat rekod rayuan dan dapati tiada keterangan atau data yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi mengukuhkan pendapat HMS yang kes seperti ini berleluasa. Oleh itu, saya berpendapat bahawa andaian itu yang dibuat oleh HMS dan dijadikan alasannya menjatuhkan hukuman seberat ini tidak kukuh dan tidak bersandarkan prinsip. Saya sedar bahawa seseorang hakim di peringkat rayuan tidak boleh sewenang-wenangnya mengubah sesuatu hukuman oleh hakim bicara yang dibuat berdasarkan budibicara hakim bicara itu. Bagaimanapun adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa sesuatu budibicara itu perlu dijalankan berlandaskan prinsip; dalam kata lain, dalam menjatuhkan sesuatu hukuman yang deteren seperti di sini, HMS hendaklah bersandarkan fakta yang boleh menjustifikasikan hukuman itu. Dalam kes ini, tiada.

[9] Hukuman di bawah s. 372 Kanun Keseksaan ialah penjara maksimum 15 tahun dan sebatan. Bagi saya, hukuman penjara 12 tahun dan tiga kali sebatan adalah terlalu berat, tanpa sebab yang boleh mengizinkannya. Dihadapan HMS tiada hujah oleh pihak pendakwaan supaya dijatuhkan satu hukuman yang berat dan yang menjadi satu ajaran terhadap responden. Oleh itu, jelas bahawa HMS telah bertindak di atas andaian yang dibuat sendiri olehnya dalam menjatuhkan hukuman seberat ini. (Lihat *PP v. Alfred Vincent* [2004] 6 CLJ 515) HC. Dalam kes *Ian Sing Seng v. PP* [2006] 1 MLJ 187, perayu yang telah disabitkan kesalahan di bawah s. 372A(1) Akta Keseksaan (hukuman maksimum juga 15 tahun) telah dihukum penjara tiga tahun, dua kali sebatan dan denda RM30,000. Jika kes ini dijadikan sandaran bagi mencari satu hukuman yang saksama, maka jelas penjara 12 tahun terhadap responden adalah keterlaluan. Tambahan pula, responden adalah pesalah pertama dan baru berumur 30 tahun. Faktor ini tidak pula dipertimbangkan oleh HMS dalam menjatuhkan hukuman yang berat itu.

[10] Atas sebab-sebab itu, saya fikir adalah wajar rayuan responden terhadap hukumannya dibenarkan dan digantikankan dengan hukuman yang saya tetapkan.